

Hanya satu
mainan
politik:
Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan kerajaan Kelantan melantik dua Timbalan Menteri Besar hanyalah 'mainan politik' yang tidak akan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat negeri itu.

Menurut Perdana Menteri, perlantikan seorang lagi Timbalan Menteri Besar di Kelantan hanyalah pembentukan sebuah jawatan baru, sedangkan tugas yang perlu dilakukan oleh seorang timbalan menteri besar pun tidak banyak.

"Kerana tidak ada kerja, mereka cipta lebih banyak jawatan. Tugas untuk seorang timbalan menteri besar sebenarnya tidaklah sebanyak mana. Dua timbalan menteri besar ini sebagai main politik sahaja," katanya.

Menjawab soalan pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar di Kongres Pengiklanan Asia ke-17 di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata perlantikan dua timbalan menteri besar itu juga tidak akan membantu pembangunan di Kelantan.